

Usaha kerajaan selari dengan Islam

KUALA LUMPUR, Isnin — Usaha menjadikan Malaysia negara maju menerusi Wawasan 2020 adalah selari dengan ajaran Islam yang menggalakkan umah mencapai kemajuan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, Islam mempunyai falsafah serta pengajaran lengkap untuk memberi kemajuan kepada umah dan negara maju yang Malaysia mahu wujudkan adalah negara yang bukan saja maju tetapi berkebolehan sendiri.

Beliau berkata demikian bagi menjelaskan kritikan kononnya wawasan untuk mencapai tahap negara industri yang maju tidak mempunyai unsur Islam, dalam rancangan Wawancara 'Bersama Perdana Menteri' terbitan Radio Televisyen Malaysia (RTM) yang disiarkan malam ini.

Mengenai kelemahan umat Islam, Perdana Menteri menjelaskan, mereka lemah kerana tidak mengamalkan ajaran selain daripada ibadat tertentu serta menganggap kemajuan di dunia tidak ada kaitan dengan akhirat.

Menurutnya, pengajaran Islam sekarang lebih menekankan kepada rupa bentuk Islam, dan bukannya amalan

Islam sebenar yang menyebabkan kemajuan yang dicapai beribu-ribu tahun dahulu tidak dapat dinikmati lagi.

"Sudah tentu orang yang mencapai kemajuan dahulu adalah orang yang berpegang kepada ajaran Islam juga. Kenapa kita yang Islam tidak boleh mencapai kemajuan yang sama?" katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, punca kelemahan umah adalah tafsiran pihak tertentu yang tidak ditekankan kepada pihak lain yang menyebabkan tidak ada imbang di antara dunia dan akhirat.

"Islam sendiri menunjukkan pada suatu ketika bagaimana satu bangsa yang amat mundur - Arab Jahiliyah apabila memeluk Islam, dapat maju dan berkembang sehingga menakluk lebih daripada setengah dunia dan membawa kemajuan dalam bidang sains, perubatan dan pentadbiran," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, beliau tidak dapat menerima kenyataan bahawa 'tidak maju adalah Islam' dan 'maju tidak Islam' kerana kemajuan adalah hak orang Islam.

"Bahkan di zaman dahulu orang Islam lebih maju daripada orang bukan Islam se-

hingga mereka lupa daratan dan merosot seperti sekarang. Apakah orang Islam yang tidak maju lebih bahagia? Ini pun saya tidak dapat terima," katanya.

Perdana Menteri berkata, umat Islam boleh maju melalui kepercayaan kepada agama yang sebenar kerana jika Islam disamakan dengan 'tidak maju', ia bererti menghinakan Islam.

Beliau menjelaskan, banyak pecahan berlaku dalam sejarah Islam sehingga mewujudkan pertentangan mazhab mengikut ajaran orang tertentu berdasarkan tafsirannya, dan bukan ajaran Islam sebenar.

Katanya, Islam menyuruh umatnya bersatu dan mencari kemajuan kerana dunia akan melihat Islam sebagai agama yang membawa kepada kemajuan di dunia dan akhirat.

"Kita tahu kemiskinan membawa kepada kekufuran. Oleh itu kenapa kita hendak miskin? Kita hendak maju," ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, perang di antara Iraq dan Kuwait baru-baru ini menunjukkan kedua-dua negara umat Islam itu terlalu bergantung kepada kuasa asing sehingga tidak mampu menentukan nasib diri sendiri.